

# **SALT**

## **SKIM AKREDITASI LADANG TERNAKAN MALAYSIA**

**JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN  
KEMENTERIAN PERTANIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF VETERINARY SERVICES  
MINISTRY OF AGRICULTURE  
MALAYSIA**

### ***Kandungan***

1. *Latarbelakang*
2. *Logo Skim Akreditasi Ladang Ternakan, SALT*
3. *Konsep Pelaksanaan SALT*
4. *Prosedur Permohonan, Pelaksanaan dan Pengiktirafan*
5. *Perkhidmatan Yang Disediakan*
6. *Prosedur Kelulusan*
7. *Syarat Penggunaan Logo SALT*
8. *Syarat Pembatalan Logo SALT*
9. *Faedah Skim Akreditasi SALT*
10. *Maklumat Lanjut Dan Pertanyaan*

*Carta Aliran Permohonan & Penganugerahan Logo SALT*

*Contoh Borang Permohonan Untuk Menyertai  
Skim Akreditasi Dan Penganugerahan Logo  
Ladang Ternakan Malaysia, SALT*

**SKIM AKREDITASI  
LADANG TERNAKAN MALAYSIA  
SALT**

**1. Latarbelakang**

Skim Akreditasi Ladang Ternakan, SALT adalah berasaskan kepada pengamalan "Good Animal Husbandry Practice", GAHP untuk ladang-ladang ternakan di Malaysia. SALT dilaksana sebagai peiengkap kepada Skim Akreditasi VHM (Veterinary Health Mark) rumah sembelih dan loji pemprosesan produk makanan hasiian ternakan.

Perlaksanaan SALT berpandukan kepada GAMP yang terkandung dalam Program Kepastian Kualiti (Quality Assurance Programme, QAP) adalah sebagai jaminan kualiti kepada pengeluaran ternakan hidup termasuk lembu pedaging, lembu tenusu, ayam pedaging, ayam penelur, rusa, kambing, bebiri, babi dan lain-lain ternakan.

**2. Logo Skim Akreditasi Ladang Ternakan, SALT**

Logo SALT dianugerahkan kepada iadang-ladang ternakan yang telah diperakui memenuhi syarat-syarat dan kriteria akreditasi yang ditetapkan. Ia tertakluk kepada memenuhi kriteria QAP dan GAHP.

Ladang ternakan yang telah memperolehi logo SALT bermakna telah diperakui mengamalkan sistem perladangan ternakan yang baik dalam aspek pengurusan, kesihatan dan kawalan pencemaran serta bebas daripada penyakit-penyakit merbahaya. Ladang tersebut layak mengeksport ternakan ke luar negara.

**3. Konsep Perlaksanaan SALT**

Pelaksanaan skim akreditasi SALT ini dibuat dalam dua (2) peringkat:-

**3.1 Peringkat Pertama**

Peringkat pertama skim dilaksanakan pada tahun 2003. Semua ladang ternakan diberi pilihan untuk menyertai skim akreditasi ini.

Bagaiapanun ladang yang berhasrat untuk mengeksport ternakan ke luar negara, perlu menyertai skim akreditasi SALT sebagai memenuhi syarat negara pengimport.

**3.2 Peringkat Kedua**

Peringkat kedua skim akan berkuatkuasa apabila Akta Veterinar diuuluskan. Semua ladang ternakan samada untuk pasaran tempatan maupun eksport diwajibkan menyertai skim akreditasi SALT.

#### 4. Prosedur Permohonan, Pelaksanaan dan Pengiktirafan

Prosedur permohonan dan pelaksanaan skim akreditasi SALT ini adalah seperti berikut:-

- i. Ladang ternakan yang berminat menyertai skim akreditasi SALT perlu terlebih dahulu memenuhi syarat dan kriteria pengiktirafan amalan GAHP berdasarkan "Code of Practice" yang ditetapkan mengikut kategori ternakan.

**Buku garis panduan Amalan Penternakan Yang Baik (GAHP) bagi setiap kategori ladang ternakan ada disediakan sebagai panduan.**

- ii. Ladang ternakan pemohon perlu memenuhkan borang permohonan (sepertimana contoh disertakan) serta memajukan profil ladang, manual QAP (sekiranya ada) dan lain-lain dokumen ladang yang berkaitan untuk penelitian JPH. Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan didaftarkan untuk tujuan pemeriksaan (audit).
- iii. Pemeriksaan awal (compliance audit) akan dijalankan oleh pegawai pemeriksa veterinar (competent veterinary inspector) JPH Negeri/ Daerah yang berkenaan keatas ladang ternakan pemohon bagi menilai status pengamalan GAHP di ladang tersebut.
- iv. Audit ulangan (follow-up audit) akan dijalankan jika terdapat kekurangan atau kelemahan yang perlu diperbaiki. Pihak ladang pemohon akan diberi khidmat nasihat penambahbaikan GAHP yang perlu dilakukan serta latihan sekiranya perlu.
- v. Hasil pemeriksaan (audit) dan laporan penilaian disediakan oleh pegawai pemeriksa JPH Negeri/Daerah yang berkenaan akan dimajukan kepada Urusetia Skim Akreditasi SALT di Ibu Pejabat Perkhidmatan Haiwan, Kuala Lumpur.
- vi. Urusetia SALT perlu membentangkan laporan penilaian kepada jawatankuasa Tetap Penganugerahan Logo SALT Ibu Pejabat Perkhidmatan Haiwan untuk pertimbangan.
- vii. Penganugerahan logo SALT (sijil dan nombor establishmen) akan diberikan kepada ladang ternakan yang telah memenuhi semua syarat dan kriteria GAHP sebagai bukti pengiktirafan akreditasi sepertimana pada tarikh pemeriksaan (audit) dijalankan.
- viii. Ladang ternakan yang telah mendapat pengiktirafan akreditasi ini diberikan menggunakan Logo SALT untuk hasil keluaran ladang mereka untuk pasaran tempatan dan eksport.
- ix. Pemeriksaan "surveillance" dan "review" audit akan dijalankan oleh pegawai pemeriksa veterinar JPH Negeri yang berkenaan bersama-sama pegawai Ibu Pejabat Perkhidmatan Haiwan dari masa ke semasa. Ladang ternakan yang telah diiktiraf perlu memastikan semua syarat dan kriteria GAHP dipatuhi sepenuhnya serta piawaian SALT dikekalkan sepanjang masa.
- x. Ladang ternakan yang didapati melanggar atau telah tidak akur kepada mana-mana syarat dan kriteria GAHP serta piawaian SALT yang ditetapkan akan dibatalkan status akreditasinya dan penganugerah logo akan ditarik balik.

## 5. Prosedur Kelulusan

Setiap permohonan akan diteliti oleh Urusetia Penganugerahan Logo SALT Ibu Pejabat Perkhidmatan Haiwan, Kuala Lumpur. Permohonan yang lengkap akan didaftarkan dan diikuti dengan aktiviti berikut:-

- i. Ladang ternakan pemohon perlu melepasi semua peringkat dalam prosedur permohonan dan pelaksanaan skim akreditasi SALT (rujuk perkara 4.0).
- ii. Ladang ternakan yang telah memenuhi semua syarat dan kriteria pengiktirafan akan dianugerahkan Logo SALT.
- iii. Penganugerahan dibuat menerusi surat penerbitan keiuluan, nombor Establishmen, tarikh keiuluan berkuatkuasa dan syarat-syarat bertuis penggunaan Logo SALT yang perlu dipatuhi.
- iv. Pemeriksaan "surveillance" dan "review" audit akan dijalankan oleh pegawai pemeriksa veterinar JPH Negeri yang berkenaan bersama pegawai Ibu Pejabat Perkhidmatan Haiwan dari masa ke semasa.
- v. Sekiranya ladang ternakan berkenaan didapati melanggar atau telah tidak akur kepada mana-mana syarat dan kriteria pengiktirafan yang ditetapkan, keliuluan akan ditarik balik dan logo SALT dibatalkan.

## 6. Perkhidmatan Yang Disediakan

**Bagi membantu pengusaha dan penternak menyertai skim akreditasi ini dan seterusnya mendapatkan pengiktirafan, JPH menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan berikut:-**

- i. **Kod Amalan Penternakan Baik dan garis panduan GAHP yang relevan mengikut jenis ladang dan kategori ternakan.**
- ii. **Khidmat nasihat pengamalan sistem penternakan yang baik bermula daripada peringkat awal penubuhan ladang ternakan.**

- iii. **Rundingcara seterusnya untuk penambahbaikan dan peningkatan taraf amalan penternakan yang baik bagi mencapai piawaian dan syarat pengiktirafan akreditasi SALT**
- iv. **Rundingcara dan khidmatan nasihat penyediaan manual Program kepastian Kualiti (QAP).**
- v. **Khidmat pemantauan dan kawalseiia JPH berterusan berupa "surveillance audit" dari masa kesemasa dan "review audit" setiap satu tahun sekali.**

## **7. Syarat Penggunaan Logo SALT**

**Ladang ternakan yang telah diluluskan pengiktirafan akreditasi dibenarkan menggunakan Logo SALT, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-**

- i. **Logo SALT hanya boleh digunakan dan dicetak pada label, tag atau surat keluaran ladang yang diluluskan sahaja (mengikut kategori ternakan dan alamat ladang yang didaftarkan semasa permohonan). Contoh label, tag atau surat yang telah dicetak Logo perlu dimajukan ke JPH sebagai bukti penggunaan.**
- ii. **Pengusaha ladang atau pihak pengurusan ladang perlu sentiasa memberi kerjasama dan membenarkan pegawai-pegawai JPH memasuki kawasan ladang/kandang untuk menjalankan lawatan atau pemeriksaan (compliance, follow-up, surveillance dan review) dan/atau mengambil sampel untuk ujian makmal, sekiranya diperlukan.**
- iii. **Sebarang perubahan dalam pengurusan, pemindahan hak milik, kemudahan dan infrastruktur ladang atau operasi pemeliharaan/ sistem penternakan perlu dimaklumkan secara rasmi kepada JPH dalam jangkamasa 330 hari.**
- iv. **JPH berhak secara mutlak untuk membatalkan penggunaan logo SALT mana-mana ladang yang didapati melanggar atau tidak akur kepada mana-mana syarat dan kriteria penggunaan logo yang ditetapkan.**

## **8. Syarat Pembatalan Logo SALT**

**Penganugerahan Logo SALT boleh dibatalkan dalam kes dan keadaan berikut:**

- i. **Ladang ternakan didapati telah tidak mengamalkan CAHP serta melanggar atau telah tidak akur kepada mana-mana syarat dan piawaian pengiktirafan akreditasi SALT yang ditetapkan.**
- ii. **Ladang ternakan didapati telah berubah lokasi premis/ladang yang lain selain dari yang didaftarkan semasa permohonan dan kelulusan penganugerahan.**
- iii. **Operasi pengurusan ladang atau sistem pemeliharaan dan penternakan (jenis atau pelaksanaannya) telah berubah berbanding dengan yang diluluskan semasa permohonan dan penganugerahan,**

- iv Pihak pengurusan atau tuan punya ladang ternakan itu sendiri memohon untuk menarik diri daripada skim akreditasi SALT secara sukarela.
- v. Pihak ladang telah tidak menggunakan Logo SALT telah dianugerahkan secara berterusan selama 2 tahun berturut-turut.

## **9. Faedah Skim Akreditasi SALT**

### **9.1 Faedah Kepada Pengusaha & Penternak**

- i. Ladang ternakan mereka mendapat khidmat nasihat dan kawalselia berterusan dari pihakJPH.
- ii. Pengiktirafan yang diterima menjadi petunjuk kepada tahap pengurusan dan sistem penternakan berkuaiiti yang diamalkan.
- iii. Ternakan dan hasil keluaran ladang mereka diperakui selamat dan berkuaiiti, bebas daripada penyakit merbahaya sepertimana yang disenaraikan/disyaratkan dalam GAHP serta bebas daripada residu sebagaimana pada tarikh pemeriksaan/audit dijalankan.
- iv. Ternakan dan hasil keluaran ladang mereka diiktiraf dan mempunyai daya saing yang lebih tinggi dari segi pemasaran dan peluang pasaran, samada tempatan mau pun luar negara.
- v. Proses permohonan dan kelulusan dokumen eksport (permit dan sijil kesihatan veterinar) adalah lebih mudah dan cepat.

### **9.2 Faedah Kepada Masyarakat & Persekitaran**

- i. Pengamalan sistem penternakan yang baik menerusi skim akreditasi SALT ini dapat membantu pengawalan pencemaran alam sekeliling serta kesejahteraan dan kesejahteraan masyarakat setempat.
- ii. Tahap keselamatan makanan (food safety) yang dihasilkan daripada ladang-ladang ternakan adalah lebih terjamin kepada pengguna.
- iii. Pengamalan sistem penternakan yang baik memberi sumbangan yang ketara ke arah pencapaian taraf bebas penyakit serta peningkatan kualiti ternakan dan seterusnya kesihatan awam.
- iv. Kepentingan dan kesihatan masyarakat/pengguna adalah dilindungi secara berterusan oleh Kerajaan.

## **10. Maklumat Lanjut Dan Pertanyaan**

Skim akreditasi dan penganugerahan logo SALT untuk ladang ternakan di Malaysia ini dikendalikan oleh Bahagian Perkhidmatan Pembangunan Industri, Ibu Pejabat Perkhidmatan Haiwan Kuala Lumpur.

Sebarang pertanyaan untuk maklumat lanjut hendaklah dimajukan terus (menerusi telefon, fax, e-mail) kepada alamat berikut:-

**Pengarah,**

**Bahagian Perkhidmatan Pembangunan Industri**

**Ibu Pejabat Perkhidmatan Haiwan Malaysia**


**Tingkat 8, Wisma Chase Perdana**

**Off Jalan Semantan, Bukit Damansara**

**50630 Kuala Lumpur**

**Tel : 03-20940105 Fax : 03-20941771 e-mail : [pppi@jnh.gov.my](mailto:pppi@jnh.gov.my)**

## CARTA ALIRAN PERMOHONAN & PENCANUGERAHAN LOGO SALT



(JPH mempunyai KUASA MUTLAK keatas penganugerahan dan pembatalan Logo SALT)



**CONTOH BORANC PERMOHONAN UNTUK MENYERTAI  
SKIM AKREDITASI DAN PENGANUGERAHAN LOGO  
LADANG TERNAKAN MALAYSIA, SALT**

**A. MAKLUMAT AM LADANG**

1. Nama Ladang/Syarikat:

.....

2. a) Alamat Ladang/Syarikat:

.....

.....

.....

b) Lokasi Ladang:

.....

.....

3. Nama Pengusaha/Pengurus/Pegawai Penghubung:

.....

4. Nombor Telefon/Fax/E-mail:

.....

5. Nombor Pendaftaran Perniagaan (jika berkenaan):

.....

6. Jenis Ladang/Pengeluaran:

.....

7. Tahun Ladang Mula Operasi:

.....

8. Status Tanah:

.....

9. Jumlah Keluasan Tapak Tanah:

.....

10. Keluasan Tanah Pembinaan Ladang:

.....

11. Biiangan Dan Keluasan Kandang:

.....

12. Biiangan Semasa Ternakan Dalam Ladang:

.....

13. Jumlah Pengeluaran Ladang (Bulanan/Tahunan):

.....

14. Sumber Bekalan Baka/Bibit/Anak:

.....

15. Sumber Bekalan Makanan:

.....

16. Sumber Bekalan Air Minuman:

.....

17. Sumber Bekalan Ubat Veterinar:

.....

18. Adakah Ladang Telah Mengeksport Hasil Pengeluaran Ke Luar Negara?

<input type="checkbox"/>	YA
<input type="checkbox"/>	TIDAK

Jika "YA" sila sertakan senarai negara pengimport, tahun mula mengeksport dan kuantum eksport (bulanan/tahunan).

19. Adakah Ladang Telah Mempunyai Program Kepastian Kualiti (QAP)?

<input type="checkbox"/>	YA
<input type="checkbox"/>	TIDAK

Jika "YA" sila sertakan salinan dokumen QAP

**B. LOKASI DAN KEDUDUKAN LADANG**

1. Nyatakan Kawasan Dan Persekitaran Dimana Ladang Berada:

.....

2. Jarak Ladang Dari Kawasan Perumahan Atau Perindustrian Terdekat:

.....

3. Pelan Lokasi Dan Kedudukan Ladang: (Sila lampirkan pelan-pelan berikut)

a. Peta lokasi ladang

(Menunjukkan kawasan perumahan atau bandar terdekat supaya mudah di cari)

b. Pelan susunatur ladang

(Menunjukkan pelan kedudukan ladang dan susunatur bangunan, kandang, stor serta kemudahan infrastruktur lain)

C. KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR LADANG

**Sila tandakan:**  $\checkmark$  jika ada  
**X** jika tiada  
**0** jika dalam pembinaan

1. **Kandang Ternakan**  
**Bilangan dan Keluasan Setiap Satu:**

.....

- |                                |                      |
|--------------------------------|----------------------|
| 2. Jalan Masuk                 | <input type="text"/> |
| 3. Pagar Perimeter             | <input type="text"/> |
| 4. Pintu Utama                 | <input type="text"/> |
| 5. Pondok Jaga                 | <input type="text"/> |
| 6. Vehicle Dip                 | <input type="text"/> |
| 7. Foot Bath                   | <input type="text"/> |
| 8. Loading Ramp                | <input type="text"/> |
| 9. Travis                      | <input type="text"/> |
| 10. Weighing Machine           | <input type="text"/> |
| 11. <b>Stor Makanan</b>        | <input type="text"/> |
| 12. <b>Stor Peralatan</b>      | <input type="text"/> |
| 13. <b>Pejabat Pentadbiran</b> | <input type="text"/> |
| 14. <b>Kuarters Pekerja</b>    | <input type="text"/> |
| 15. <b>Sistem Peparitan</b>    | <input type="text"/> |
| 16. <b>Kolam Kumbahan</b>      | <input type="text"/> |

**D. TENACA KERJA**

- 1. Bilangan Tenaga Kerja:
  - a. Pentadbiran/Perkeranian: .....
  - b. Profesional/Teknikal: .....
  - c. Pekerja/Buruh Am: .....

(Sila lampirkan Carta Organisasi Ladang/Syarikat Menunjukkan Perjawatan Pekerja)

- 2. Bilangan Pekerja Tempatan:  
.....

- 3. Bilangan Pekerja Asing:  
.....

- 4. Kesihatan Pekerja:
  - a. Adakah pekerja telah menjalani pemeriksaan kesihatan dan disahkan bebas penyakit serta layak bekerja di ladang?

YA       TIDAK

- b. Adakah pekerja menjalani pemeriksaan kesihatan tahunan dan mempunyai rekod kesihatan?

YA       TIDAK

- 5. Latihan Pekerja:
  - a. Adakah pekerja menerima latihan teknikal pemeliharaan dan pengurusan ternakan?

YA       TIDAK

- b. Adakah pekerja menerima latihan QAP atau GAHP dari masa ke semasa?

YA       TIDAK

6. Kelengkapan Kerja Ladang:

- a. Adakah pekerja ladang disediakan kelengkapan kerja ladang yang bersesuaian?

Pakaian/Uniform	<input type="checkbox"/>	YA
	<input type="checkbox"/>	TIDAK
Boot	<input type="checkbox"/>	YA
	<input type="checkbox"/>	TIDAK

7. Adakah Pekerja Asing Berdaftar Dan Mempunyai Surat Keiuisan Atau Permit/Visa Kerja Daripada Pihak Berkuasa Malaysia?

<input type="checkbox"/>	YA	<input type="checkbox"/>	TIDAK
--------------------------	----	--------------------------	-------

**E. PELUPUSAN SISA BUANGAN LADANG**

1. Sistem Saliran Dan Peparitan:

<input type="checkbox"/>	YA	<input type="checkbox"/>	TIDAK
--------------------------	----	--------------------------	-------

2. Sistem Pelupusan Air Buangan Kandang:

<input type="checkbox"/>	Kolam Kumbahan
	jenis: .....
	Bilangan kolam: .....
<input type="checkbox"/>	Sistem Mekanikal (Solid Waste Separator)

3. Sistem Pelupusan Solid/Bangkai:

<input type="checkbox"/>	Sistem
<input type="checkbox"/>	"Rendering"
<input type="checkbox"/>	Sistem Tanam
<input type="checkbox"/>	Dikontrakkan
<input type="checkbox"/>	Majlis Bandaran/Kerajaan Tempatan

## F. KAWALAN PENYAKIT

1. Program kesihatan dan kawalan penyakit dilaksanakan dan didokumentasi.

YA       TIDAK

2. Ternakan menjalani program pemvaksin secara berterusan mengikut program kesihatan yang disediakan.

YA       TIDAK

3. Ternakan bebas daripada penyakit-penyakit sepertimana dinyatakan dalam GAHP.

SEMUA       SEBAHAGIAN       TIDAK

## C. KAWALAN MAKHLUK PEROSAK

1. Sistem Kawalan Makhluk Perosak:

Dijalankan oleh pihak ladang sendiri

Dijalankan oleh syarikat kawalan makhluk perosak secara kontrak

2. Program Kawalan Makhluk Perosak Didokumenkan:

YA       TIDAK

## H. KAWALAN BIOSEKURJTI

1. Hanya Satu Pintu Utama Disediakan:

YA  TIDAK

2. Pergerakan Masuk-Keluar Kenderaan Dan Personel Dikawalselia:

YA  TIDAK

3. Setiap Pergerakan Ditekod:

YA  TIDAK

## PENGURUSAN REKOD

Rekod Yang Lengkap Dan Kemaskini Disediakan

YA  TIDAK

## J. MAKLUMAT SOKONGAN

Sebarang maklumat sokongan, gambar foto, video, "brochures", laporan tahunan, sijil-sijil pengiktirafan atau sebagainya yang difikirkan perlu untuk menyokong permohonan ladang berkenaan boleh dimajukan bersama.

## K. PERAKUAN/PENGISYTIHARAN

1. Saya sebagaimana nama, nombor kad pengenalan dan jawatan dibawah mewakili ladang/syarikat pemohon adalah dengan ini mengaku segala maklumat yang dinyatakan/dimajukan bersama permohonan ini adalah benar dan betul.

2. Ladang/syarikat bersedia untuk akur kepada syarat-syarat keperluan dan piawaian-piawaian yang ditetapkan untuk menyertai skim akreditasi dan mendapatkan penganugerahan logo Skim Akreditasi Ladang Ternakan Malaysia, SALT.

NAMA: .....

NO. Kad Pengenalan: .....

JAWATAN: .....

{TANDATANGAN DAN COP SYARIKAT/LADANG}

TARIKH: .....

(Nota: Borang boleh diperolehi di mana-mana Jabatan Perkhidmaun Haiwan Negeri)